

man zaman-berzaman sebagai peringatan kepada pembaca untuk sentiasa hormat dan taat kepada ibu bapa.

Antara karangan yang paling masyhur ialah Dua Puluh Empat Ketaatan Unggul yang ditulis ketika pemerintahan dinasti Yuan lebih 600 tahun lalu. Antara cerita menarik dalam karangan berkenaan ialah kisah wanita yang memberikan susu badan kepada ibu tirinya yang tiada gigi dan anak lelaki yang merasai najis ayahnya bagi mengenal pasti penyakitnya. Selain itu ada juga kisah seorang lelaki yang sanggup berbogel dan duduk di tepi ibu bapanya bagi mengelakkan mereka daripada digigit nyamuk.

Namun kepesatan pertumbuhan ekonomi China dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini mengubah senario keluarga apabila ratusan golongan muda meninggalkan ibu bapa dan berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan.

Kadar bunuh diri dalam kalangan warga tua di sesetengah kawasan luar bandar meningkat lima kali ganda dalam tempoh 20 tahun, lapor media kerajaan. Pengabaian keluarga khususnya oleh anak dikatakan menjadi punca utama perkara menyedihkan itu.

Unjuran menunjukkan 350 juta penduduk China - satu dalam empat - akan mencecah umur 60 atau lebih menjelang 2030, hampir dua kali ganda berbanding jumlah

sekarang. Pada masa sama, kaedah perancangan keluarga melalui polisi satu anak meletakkan beban menjaga ibu bapa seluruhnya pada anak berkenaan.

Undang-undang pada 2012 yang mengkehendaki anak dewasa untuk 'kerap' menziarahi ibu bapa yang sudah tua atau berisiko dikenakana tindakan jika gagal berbuat demikian, dilihat tidak mampu dilaksanakan.

Sebaliknya, Beijing meraikan individu yang boleh dijadikan teladan dengan mengadakan pertandingan pencarian 'anak taat'.

Media kerajaan juga menyiaran ratusan gambar murid sekolah yang duduk berlutut dan menundukkan kepala di hadapan ibu bapa mereka bagi menunjukkan kepatuhan dan rasa hormat walaupun pengulas di media sosial kerajaan berkata, upacara seperti itu tidak akan menggalakkan kanak-kanak untuk berfikir sendiri dan sentiasa bergantung kepada pendapat orang tua mereka.

Muzium yang terletak di tebing sungai di Guyi itu dibuka beberapa bulan lalu dan pihak berkuasa tempatan

menyumbang dana sekurang-kurangnya lapan juta yuan (RM4.7 juta) bagi membiayai kos pembinaan, kata pengasasnya, Liao Lin.

Pada panel pengenalan terpampang potret Confucius dan Presiden Xi Jinping, dengan kata-kata daripada pemimpinnya 'Standar Untuk Menjadi Anak dan Murid Yang Baik' selain beberapa kata hikmah Confucius mengenai kepentingan ketaatan kepada ibu bapa.

Bagaimanapun langkah berkenaan mendapat kritikan kerana kerajaan negeri dianggap cuba lari daripada tanggungjawab menyediakan perkhidmatan penjagaan untuk warga tua.

Menteri Hal Ehwat Awam China berkata, tahun lepas hanya ada 25 katil untuk setiap 1,000 warga tua manakala insurans kesihatan pula jarang memberi perlindungan ke atas kos pembedahan besar.

"Banyak keluarga di China yang berhadapan dengan situasi saiz keluarga semakin kecil dan tinggal berasingan, kini mencari kaedah baru bagi menunjukkan ketaatan

kepada ibu bapa," kata Hong Zhang, penyelidik di Kolej Colby di Amerika Syarikat.

"Orang ramai akan memandang sinis pada usaha kerajaan yang mahu menggalakkan tradisi ketaatan kepada ibu bapa dan usaha itu dianggap sebagai alasan untuk tidak melaksanakan tanggungjawab mereka," katanya.

Pengasas muzium, Liao yang juga saudagar teh dan arak mengakui bahawa perlakuan baik dan ketaatan kepada ibu bapa saja tidak cukup. Ini kerana sistem keselamatan sosial di China masih banyak kekurangannya.

Liao yang mempunyai anak perempuan di sekolah berasrama penuh dan mahu melanjutkan pelajaran di luar negara berkata, dia juga sering 'teringat' kepada ibu bapanya dan 'cuba melakukan yang terbaik' untuk mereka. Bagaimanapun, dia tidak menjelaskan apa yang dilakukan sebagai tanda taat kepada ibu bapanya.

"Orang akan melihat pameran di muzium ini sebagai contoh dan memberi inspirasi kepada mereka untuk jadi lebih baik. Pengunjung mungkin rasa bersalah kerana kurang memberi perhatian kepada ibu bapa dan bersedia mencucukaki orang tua mereka apabila balik ke kampung. Perubahan seperti inilah yang kami harapkan," katanya. - AFP

**"Orang ramai akan memandang sinis pada usaha kerajaan yang mahu menggalakkan tradisi ketaatan pada ibu bapa"**  
Hong Zhang





PENGUNJUNG muzium meneliti kisah anak taat di zaman moden.

# Hati

Harianmetro  
S/S/2015  
M/S H12

rencana@hmetro.com.my

Pengarang: **Rahayu Mohd Salleh**

Penolong Pengarang: **Norlaila Hamima Jamaluddin**

Tel: 1-300-22-NSTP (6787) samb. 4745 / 4429 / 7239 Faks: 03-20567083/7084



## Pejabat pos dalam laut

**Terletak** 50 meter dari pantai Pulau Hideaway, Republik Vanuatu, tiga meter di bawah permukaan air laut terdapat pejabat pos kecil. Underwater Post Office, Vanuatu Post beroperasi setiap hari selama sejam sejak kali pertama dilancarkan pada 2003.

Pejabat pos itu dikendalikan pekerja pos rasmi yang berpakaian seragam snorkling dan sut basah.

Ribuan kad pos kalis air dihantar oleh pelancong dari pejabat pos laut ini. Surat dicap bawah air menggunakan cap embossing dan dikumpulkan sesuai mengikut jadual oleh penyelam terlatih.

Surat itu kemudian dihantar ke pejabat pos pusat untuk penghantaran ke destinasi di seluruh dunia.



# MUZIUM kenang jasa IBU BAPA

Kerajaan China belanja  
RM3.7 juta untuk didik rakyat

**Susunan Norlaila Hamima  
Jamaluddin**

laila@hmetro.com.my

Membaca kisah penganiayaan terhadap orang tua khususnya ibu bapa sendiri memang mengguris hati. Tidak dapat dibayangkan betapa keras dan dinginnya hati si anak sehingga tergamak mendera dan menganiaya insan yang selama ini sanggup berkorban apa saja demi membesarkan dan mendidik mereka.

Penderaan ke atas orang tua tidak terhad kepada perlakuan yang menyakitkan mereka saja. Mengabaikan keperluan asas termasuk aspek makan minum, kebersihan, keselamatan dan tempat

berlindung juga termasuk dalam penganiayaan, apatah lagi jika meninggalkan ibu bapa di tepi jalan. Malah, tindakan menghantar ibu bapa ke rumah orang tua tanpa dijenguk langsung sama maknanya dengan membuang mereka.

Ibu bapa adalah insan yang wajib dihormati - tidak kira apa pun latar belakang mereka. Selagi hayat masih dikanudkan badan, manfaatkan peluang yang ada untuk menyangi mereka kerana kita tidak tahu siapa yang akan 'pergi' dulu meninggalkan alam ini.

Ada bermacam-macam cara untuk menjadi anak yang baik. Di China contohnya, sebuah muzium khas yang diberi nama 'Muzium Budaya Ke-

taatan Moden' dibuka untuk mempamerkan isu ketaatan anak kepada insan yang sangat berjasa itu.

Sejak dulu lagi, menghormati orang yang lebih tua menjadi inti pati dalam budaya China. Namun, kini ramai percaya perkembangan ekonomi yang pantas mulai menelan nilai murni ini.

Muzium Budaya Ketaatan Moden yang terletak di wilayah Sichuan dan menelan kos lebih RM3.7 juta itu adalah antara usaha yang disokong kerajaan untuk 'meneruskan nilai murni' khususnya pada generasi muda.

Dalam bangunan yang dibina menggunakan bata kelabu dengan inspirasi seni bina tradisional China, disusun pe-

lbagai bahan pameran yang menggambarkan ketaatan anak zaman moden untuk dicontohi.

Antaranya ialah Wang Chunlai, seorang anggota polis. Bertahun-tahun dia menjaga ibu bapanya yang terlanjar sakit, memberi mereka ubat, suntikan dan pemindahan darah.

"Lelaki ini adalah contoh anak yang taat dan berbakti kepada ibu bapa," kata kakitangan sukarela muzium, Zeng Yan ketika berdiri di depan katil dan bekas najis yang sudah lusuh. Wang mendermakan barang terbabit kepada muzium itu selepas kedua-dua orang tuanya meninggal dunia.

Turut dipamerkan dalam



MUZIUM ketaatan  
dibuka untuk beri  
inspirasi supaya anak  
lebih menghargai jasa  
ibu bapa.

muzium

itu ialah kisah kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun yang menjaga ibu lumpuh selain guru lelaki yang sentiasa membawa ibunya - pesakit Alzheimer - ke mana saja dia pergi.

Antara artifak yang dipamerkan ialah pedati berwarna biru dan kuning yang digunakan oleh dua beradik lelaki untuk membawa ibu mereka melawat lebih 600 pekan dan bandar di seluruh China bagi memenuhi hasrat si ibu yang mahu menikmati keindahan negara itu sebelum meninggal dunia.

Sepanjang la w a t a n ,  
dua beradik berkenaan memakai 12 pasang kasut (yang terpaksa diganti kerana haus tapaknya atau rosak) dan separuh daripadanya dipamerkan bersama pedati berjasa itu.

"Tidak ramai orang yang mahu atau sanggup memenuhi impian ibu bapa mereka. Inilah yang cuba kami gambarkan menerusi barang pameran di muzium ini," kata Zeng.

Ketaatan kepada ibu bapa menjadi ajaran utama dalam fahaman Confucius sejak dulu lagi. Banyak cerita pelik atau ganjil yang diwariskan za-